

TINJAUAN PEMBUDAYAAN KITAR SEMULA DALAM KALANGAN PELAJAR “TECHNICAL VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING” (TVET)

Mior Amran Noor bin Mior Ahmad Noor¹, (Azhar bin Abd Hamid²)

¹Mior_amran@kkbpenawar.edu.my

²AZHAR@kkbpenawar.edu.my

ABSTRAK

Kitar semula merupakan satu usaha mengumpul, memproses dan mengguna semula bahan-bahan yang telah digunakan. Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk melihat amalan kitar semula di kalangan pelajar “*Technical Vocational Education and Training*” (TVET). Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar berhubung alam sekitar, mengenalpasti amalan kitar semula di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar dan mengenalpasti kaedah untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Statistik deskriptif dan interpretif dengan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 20. Sampel kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada para pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik yang mengandungi empat item berkaitan latar belakang responden dan soalan berkaitan persoalan kajian. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden memberikan persepsi yang positif terhadap amalan kitar semula. Ini menunjukkan responden sedar tentang kepentingan kitar semula untuk kebaikan masyarakat seluruhnya. Semua pihak harus mengembeling tenaga dan usaha melaksanakan kitar semula, agar mampu mengelakkan kemudaratan serta kemaslahatan manusia sejagat. Justeru, kitar semula bahan-bahan buangan seperti kertas, tin, kaca, surat khabar dan sebagainya adalah salah satu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kata kunci: Kitar semula; kesedaran; amalan

ABSTRACT

Recycling is an effort to collect, process and reuse the things that have been used. This descriptive research was done to find out the recycling practice among “Technical Vocational Education and Training” (TVET) students. The focus of this research is to identify students’ prior knowledge on nature, recycling practice among Bandar Penawar Community College students and to identify ways to increase the awareness level among Bandar Penawar Community College students. This research uses survey instruments. The descriptive and interpretive statistics with frequency, percentages, mean and standard deviation that was obtained was analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 20. The sample of this research involving respondents consists of Bandar Penawar Community College students. The instrument used in this research is in the form of survey that consists of four items regarding to the background of the respondents and questions related to the research questions. Based on the findings of the research, most of the respondents gave positive perceptions on the recycling practice. This shows that the respondents are aware of the importance of recycling for the benefits of the community generally. Everyone should create and make an effort to recycle to help preventing from disasters to the human beings. Hence, recycling of the waste such as papers, cans, newspapers and others is one of the preservation and conservation of nature.

Keywords: Recycling, awareness, practice

1. PENGENALAN

Sampah sarap atau sisa pepejal didefinisikan sebagai suatu bahan atau sumber yang tidak lagi digunakan kerana tidak mempunyai nilai ekonomi sebelum ia melalui proses akhir. Sisa perbandaran domestik di Malaysia pada 2005 dianggarkan mencecah kira-kira 7.34 juta tan pepejal domestik dicatatkan di seluruh negara dan jumlah ini dijangka meningkat 30,000 tan sehari menjelang tahun 2020 (Abdul, 2010).

Kitar semula merupakan satu proses yang menggunakan kaedah mengumpul, memproses dan mengguna semula bahan-bahan yang dianggap tidak lagi bernilai. Kitar semula juga boleh ditakrifkan sebagai proses pemulihan bahan buangan yang dihasilkan semula menjadi produk yang boleh diguna kembali samada untuk tujuan asal ataupun yang lain.

Terdapat berbagai pandangan dan kajian telah dibuat berhubung pembudayaan sikap atau tingkah laku yang bertujuan untuk memahami kehendak atau keperluan manusia dalam memperkasakan kitar semula. Mengikut pengertian yang diberikan Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (2008-2011), sikap ialah perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat (fikiran dll).

Pelbagai faktor telah dikenalpasti menyumbang kepada pembudayaan tingkah laku masyarakat dalam pelaksanaan kitar semula ini. Secara teorinya, ia terbahagi kepada faktor tingkah laku dan faktor penglibatan masyarakat dengan pembudayaan kitar semula. Menurut Wang et al. (1997), jika persepsi masyarakat di peringkat awal terhadap program kitar semula adalah negatif, maka aktiviti kitar semula bagi seseorang penghuni juga adalah negatif. Kajian oleh Gurder Adams (1990) dan Burca et al. (1994) menunjukkan bahawa penduduk yang mempunyai lebih minat menjalankan aktiviti kitar semula akan menghasilkan lebih banyak sampah yang boleh dikitar semula berbanding dengan penduduk yang kurang berminat dengan aktiviti kitar semula.

Alfroz et al. (2010) dalam kajian mereka berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap atau tingkah laku mengitar semula di kalangan 465 isi rumah di Dhaka, Bangladesh mendapati kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar, ruang penyimpanan dan umur adalah faktor-faktor yang mempengaruhi tabiat untuk mengitar semula. Timlett dan Williams (2011) dalam kajian berdasarkan analisis kajian literatur dan kajian penyertaan komuniti dalam aktiviti kitar semula di Bandar Portsmouth, England telah mengenalpasti tiga kelompok penting yang memberi kemudahan berkesan untuk aktiviti kitar semula iaitu infrastruktur, perkhidmatan dan tingkah laku (*Infrastructure, Services, Behavior, ISB*).

Negara Malaysia juga tidak ketinggalan dalam usaha membudayakan amalan kitar semula di kalangan masyarakat seawal tahun 1993 lagi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjadi pelopor dengan melancarkan program kitar semula, namun ironinya program itu didapati tidak berjaya mencapai objektifnya. Tanggal 2 Disember 2000, sekali lagi KPKT telah melancarkan kembali program kitar semula yang diformulasi berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

Jadual 1: Kriteria kitar semula KPKT 2000 (Sumber: Seow, 2004)

| Perkara | Kriteria |
|----------|---|
| Objektif | Untuk memupuk tabiat kitar semula dan 3R (program kitar semula) dalam masyarakat Malaysia |
| Sasaran | Untuk mencapai sasaran fizikal peningkatan sebanyak 1 peratus dalam pengitaran semula sisa pepejal setiap tahun. Penstabilan dan pengurangan dalam penjanaaan sisa per kapita dalam tempoh yang ditetapkan. |

Pembudayaan kitar semula yang dinyatakan di atas bermotifkan peningkatan positif sebanyak satu peratus di kalangan masyarakat sepanjang tempoh masa setahun. Walaubagaimanapun, sehingga mutakhir ini pembudayaan kitar semula didapati dipandang enteng oleh warga Malaysia dalam menguruskan sampah sarap seharian. Oleh hal yang demikian, kertas kajian ini bermatlamat untuk mengetahui pengetahuan dan amalan kitar semula di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar.

2. PENYATAAN MASALAH

Dewasa kini, isu alam sekitar sememangnya menjadi keutamaan bagi pihak berkuasa tempatan yang terpaksa membelanjakan jutaan ringgit untuk aktiviti pemungutan dan pelupusan sampah sarap. Sampah kebiasanya dihasilkan oleh premis-premis perniagaan, Insituti Pengajian Tinggi (IPT), kawasan pembinaan dan kawasan perumahan. Namun begitu, aktiviti seharian pelajar juga sebenarnya menjadi penyumbang kepada penghasilan sampah. Isunya, adakah golongan berpendidikan ini bersama-sama pihak kerajaan menggembeling tenaga dalam usaha mengurangkan sampah atau sebaliknya? Ataupun mereka ini sama sepertimana lapisan masyarakat lain yang memandang sepi usaha kerajaan dalam menangani masalah sampah ini?

Kealpaan di kalangan golongan terpelajar ini menyebabkan saranan kerajaan dalam amalan kitar semula kurang berkesan. Persoalannya, adakah pelajar-pelajar ini tahu tentang usaha kerajaan dalam membudayakan kitar semula ini? Adakah mereka senantiasanya mengikuti perkembangan semasa mengenai isu sampah dan kitar semula yang hangat diperbahaskan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara? Ini kerana masalah sampah telah menjadi masalah bersama seantero dunia?

Terdapat individu yang menyedari mengenai pembudayaan kitar semula namun tidak mengaplikasikan amalan kitar semula. Justeru, usaha meningkatkan kesedaran untuk mempraktikkan amalan ini perlu dijalankan terutama dalam kalangan pelajar sekolah dan IPT. Mereka perlulah sedar dan peka mengenai perkara ini seterusnya mempraktikkan ia sebagai sebahagian amalan hidup. Oleh itu, pelajar-pelajar mestilah diberi suntikan informasi berhubung kitar semula dan seterusnya digarapkan dengan motivasi agar membudayakan kitar semula.

Berhubung isu global ini, penyelidik mendapati melalui tinjauan awal masih ramai pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) mengambil enteng mengenai sampah yang mereka hasilkan. Majoriti daripada mereka membuang sampah tanpa mempedulikan adakah sampah itu boleh dikitar semula atau tidak. Mereka juga mencampurkan semua jenis sampah dalam satu tong tanpa mengasingkannya terlebih dahulu.

Lebih membimbangkan lagi, mereka juga tidak mementingkan kebersihan umum. Hal ini jelas terbukti sekiranya mereka ternampak sampah di tepi-tepi kaki lima atau sebagainya, tiada inisiatif yang diambil untuk memungutnya, sebaliknya mereka hanya mengharapkan tukang sapu untuk mengendalikannya. Jelaslah terbukti melalui pemerhatian penyelidik di mana amalan mengasingkan sampah-sampah yang dibuang mengikut kategori untuk memudahkan kitar semula tidak dilaksanakan.

Masalah yang lebih besar akan berlaku sekiranya golongan yang dikatakan terpelajar ini sendiri tidak menyumbang dalam pembudayaan kitar semula ke arah membantu menyelesaikan masalah sampah. Berdasarkan latar belakang masalah yang dikemukakan, adalah sesuai penyelidik membuat kajian terperinci mengenai amalan kitar semula kerana didapati terdapat beberapa masalah yang perlu diselesaikan berhubung dengan kitar semula ini.

Penyelidik mendapati sejak kebelakangan ini, pembudayaan kitar semula di kalangan pelajar kurang memberangsangkan. Maka, ini telah mendorong penyelidik untuk membuat kajian tentang pembudayaan kitar semula di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar meliputi pelbagai aspek tertentu.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat amalan kitar semula di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP). Objektif utama kajian ini ialah:

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar berhubung kitar semula
- ii. Mengenalpasti tahap amalan kitar semula dikalangan pelajar KKBP.
- iii. Mengenalpasti kaedah untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pelajar KKBP.

4. METODOLOGI KAJIAN

Menurut Othman (2008), metodologi adalah satu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data. Data yang diperolehi menjadi penanda aras untuk membentuk inferensi dan penafsiran tujuan dalam menghurai serta membuat jangkaan tentang sesuatu fenomena. Dalam penulisan penyelidikan dan kertas projek, metodologi yang digunakan mesti dihuraikan dengan terperinci. Dalam usaha mencapai objektif utama kajian, proses kerja yang sistematik, tersusun dan lengkap perlu diadaptasikan. Prosedur kerja ini direalisasikan dengan kaedah menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri.

4.1 Batasan Kajian

Responden kajian ini adalah pelajar “*Technical Vocational Education and Training*” (TVET). Namun begitu, kajian ini hanya terhad kepada pelajar TVET di Kolej Komuniti Bandar Penawar sahaja. Kajian ini tertumpu kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sijil Modulator Kebangsaan (SMK). Kajian ini meliputi lima puluh (50) orang pelajar Sijil Modulator Kebangsaan bagi mewakili pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar. Aspek yang dikaji adalah berkaitan dengan tahap pengetahuan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar mengenai program kitar semula. Di samping itu, kajian ini juga melihat tahap amalan kitar semula dan kaedah untuk meningkatkan tahap kesedaran kitar semula di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar.

4.2 Kepentingan Kajian

Pembudayaan kitar semula sudah lama diperkenalkan, namun keberkesanan pembudayaan ini masih pada tahap minimum. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk memberikan input dan penerangan umum kepada masyarakat berhubung kepentingan pembudayaan kitar semula. Selain itu, transformasi kesedaran di kalangan para pelajar KKBP mengenai tanggungjawab kitar semula untuk kesejahteraan bersama perlu diperkasakan. Hasil penyelidikan ini, diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa kitar semula bukanlah isu yang boleh dipandang ringan kerana segala kenikmatan alam sekitar yang kita peroleh hari ini merupakan hak generasi yang akan datang. Di samping itu, kesedaran pelajar tentang kepentingan mengitar semula membolehkan masalah alam sekitar dewasa kini diatasi secara tidak langsung dan ia juga dapat mengurangkan masalah pembuangan sampah.

5. REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tindakan yang berbentuk kajian kuantitatif, iaitu proses pengumpulan data dibuat dengan menggunakan instrumen soal selidik berbentuk ujian mudah. Responden dikehendaki menjawab sebanyak 21 soalan yang diberikan oleh pengkaji. Soalan yang diberikan ini merupakan 20 soalan yang berbentuk objektif dan 1 soalan subjektif. Selepas selesai melakukan soal selidik, data-data ini akan dijumlahkan dalam bentuk kuantitatif dan akan dipindahkan dalam bentuk yang lebih mudah difahami seperti jadual.

5.1 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian melibatkan semua pelajar SMK di Kolej Komuniti Bandar Penawar berjumlah 70 orang. Penyelidik hanya menggunakan 50 orang pelajar sahaja sebagai responden. Untuk mendapatkan sampel di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah. Ini bermakna responden mempunyai kebarangkalian yang sama untuk menjawab soal selidik yang diedarkan.

5.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel. Penyelidik memerlukan dua jenis data sebagai sumber untuk menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder. Kedua-duanya perlu dalam menyempurnakan kajian kerana keduanya bersifat melengkapi.

5.2.1 Soal Selidik

Penggunaan soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar (Mohd., 2004). Set soal selidik ini diambil daripada kajian-kajian lepas dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian penyelidik. Satu set soal selidik telah dibentuk bagi meninjau tingkah laku masyarakat terhadap pembudayaan kitar semula di kawasan kajian. Set soal selidik ini mengandungi: (1) latar belakang responden; (2) pengetahuan pelajar berhubung kitar semula; (3) amalan kitar semula di kalangan pelajar KKBP; dan (4) kaedah untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pelajar KKBP. Seramai 50 responden telah dipilih melalui persampelan rawak di kawasan Kolej Komuniti Bandar Penawar. Jumlah pelajar SMK yang sedang belajar di KKBP pada tahun 2013 mengikut Unit Pengambilan adalah seramai 70 orang pelajar.

5.2.2 Pengumpulan Data Sekunder

Selain daripada data primer melalui set soal selidik, penyelidik juga menggunakan data sekunder untuk mendapatkan data. Data-data ini diperolehi daripada buku-buku, tesis, artikel, majalah dan surat khabar yang berkaitan dengan tajuk kajian.

5.3 Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas sampel, penyelidik terlebih dahulu membuat kajian rintis. Kajian rintis ini dijalankan ke atas beberapa orang pelajar Sijil Penyelenggaraan Bangunan (SPB) kerana sampel mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang sebenar. Menurut Mohamad (2003) di dalam Shahrom et al. (2011), tujuan kajian rintis ini dilakukan adalah untuk menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Seramai 10 pelajar telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik yang telah dibina. Penyelidik memilih sampel kajian rintis ini secara rawak mudah.

Menurut Mohd. Majid Konting (2004) dalam Mohd Abbas et al. (2010), melalui kajian rintis, kesesuaian dan ketepatan soalan serta format yang digunakan dapat dikenal pasti. Kelemahan-kelemahan yang ada meskipun kecil perlu diperbaiki untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu. Melalui kajian rintis, penyelidik berpeluang untuk memperbaiki soalan yang kurang tepat, membuang soalan yang tidak sesuai serta menambah soalan yang perlu. Penyelidik akan menguji kebolehpercayaan soal selidik ini terlebih dahulu dengan menggunakan Ujian *Alpha Cronbach* dalam SPSS.

Setelah selesai menjalankan kajian rintis, penyelidik menganalisis data untuk mendapatkan nilai alpha bagi item yang dibina. Sekiranya mendapat nilai koefisien yang tinggi (0.8 ke atas), penyelidik boleh membuat kesimpulan bahawa soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik ini adalah $\alpha = 0.84$. Ini bererti soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana nilai koefisiennya melebihi 0.8 dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

5.4 Tatacara Pemerolehan Data

Pemerolehan data kajian ini dibuat melalui soal selidik dengan memberikan kertas soalan kepada responden secara individu. Setiap responden diberi masa lima belas minit (15) untuk menjawab soalan yang diutarakan. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan jujur dan ikhlas. Responden juga dikehendaki memberikan cadangan meningkatkan amalan kitar semula di KKBP. Selain itu, responden bebas bertanya sekiranya mereka tidak memahami soalan yang diberikan.

5.5 Tata Cara Penganalisan Data

Jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh sampel kajian dikumpulkan dan dianalisis. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan.

6. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini mengetengahkan ciri-ciri latar belakang responden, tahap pengetahuan responden berhubung kitar semula, tahap amalan responden berhubung kitar semula dan kaedah meningkatkan tahap kesedaran responden berhubung kitar semula. Kajian ini juga menunjukkan hubungan jantung dengan objektif kajian.

6.1 Latar Belakang Responden

Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 50 orang, 22 responden terdiri daripada lelaki (44 peratus) dan 28 responden perempuan (56 peratus). Manakala pecahan responden mengikut usia ialah responden yang berumur kurang daripada 20 tahun adalah seramai 45 orang (90 peratus), tiada data yang diperolehi untuk umur 21 tahun hingga 23 tahun dan 24-26 tahun. Manakala responden lebih daripada 27 tahun adalah seramai 5 orang (10 peratus).

Seramai 43 orang responden (86 peratus) pelajar berbangsa Melayu terlibat di dalam soal selidik ini. Terdapat juga 5 orang responden (10 peratus) berbangsa India dan akhir sekali seramai 2 orang responden (4 peratus) berbangsa Cina.

Seramai 22 responden kajian ini tinggal di asrama Kolej Komuniti Bandar Penawar (44 peratus), rumah sewa 22 responden (44 peratus), rumah sendiri 6 (12 peratus) dan tiada rekod untuk lain-lain tempat tinggal.

6.2 Tahap Pengetahuan Responden Berhubung Kitar Semula.


Pengetahuan responden mengenai kitar semula merupakan maklumat penting yang menunjukkan tahap sensitiviti mereka terhadap program kitar semula. Dapatan menunjukkan bahawa 41 responden (82 peratus) mengetahui serba sedikit berhubung amalan kitar semula. Manakala 7 responden (14 peratus) tidak pasti berhubung pengetahuan amalan kitar semula. Terdapat 2 responden (4 peratus) yang tidak mengetahui berhubung amalan kitar semula.

Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah jawapan responden berhubung dengan amalan kitar semula. Rajah 1 menunjukkan peratus pembahagian tahap pengetahuan dalam kitar semula.

Jadual 2: Jumlah tahap pengetahuan kitar semula di kalangan pelajar KKBP.

| HASIL KAJIAN | BILANGAN RESPONDEN | PERATUSAN |
|--------------|--------------------|-----------|
| YA | 41 | 82% |
| TIDAK PASTI | 7 | 14% |
| TIDAK | 2 | 4% |

Dapatan kajian daripada analisis Ujian Laverne iaitu 0.184 menunjukkan bahawa data yang diperolehi mempunyai varians yang sama manakala kepentingan T-Test iaitu 0.10, menunjukkan tiada perbezaan yang nyata dalam min. Maka hipotesis mengenai tahap pengetahuan amalan kitar semula adalah disokong. Hasil kajian juga menyatakan tiada perbezaan nyata antara jantung terhadap tahap pengetahuan amalan kitar semula.



Rajah 1: Peratus Tahap Pengetahuan Amalan Kitar Semula.

Secara keseluruhannya, statistik menunjukkan bahawa peratusan sebanyak 100 peratus pelajar SMK Kolej Komuniti Bandar Penawar mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berhubung kitar semula di kolej.


6.3 Tahap Amalan Responden Berhubung Kitar Semula.

Amalan responden mengenai kitar semula merupakan maklumat penting yang menunjukkan keberkesanan dan sokongan mereka terhadap program kitar semula. Dapatan menunjukkan bahawa 35 responden (70 peratus) mengetahui serba sedikit berhubung amalan kitar semula. Manakala 7 responden (24 peratus) tidak pasti berhubung amalan kitar semula. Terdapat 3 responden (6 peratus) yang tidak mengetahui berhubung amalan kitar semula.

Jadual 3 di bawah menunjukkan jumlah jawapan responden berhubung dengan amalan kitar semula. Rajah 2 menunjukkan peratus pembahagian amalan kitar semula di kalangan pelajar KKBP.

Jadual 3: Jumlah Tahap Amalan Kitar Semula Di Kalangan Pelajar KKBP.

| HASIL KAJIAN | BILANGAN RESPONDEN | PERATUSAN |
|--------------|--------------------|-----------|
| YA | 35 | 70% |
| TIDAK PASTI | 12 | 24% |
| TIDAK | 3 | 6% |



Rajah 2: Peratus Pembahagian Amalan Kitar Semula di kalangan Pelajar KKBP.

Dapatan kajian di dalam Ujian Laverne iaitu 0.219 menunjukkan bahawa data yang diperolehi mempunyai varians yang sama manakala kepentingan T-Test iaitu 0.646. Ini menunjukkan perbezaan yang nyata dalam min. Maka hipotesis menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara jantina berhubung amalan kitar semula. Dapatan juga menunjukkan jantina lelaki sering mengamalkan kitar semula.

Secara keseluruhannya, statistik menunjukkan bahawa peratusan sebanyak 86 peratus pelajar SMK Kolej Komuniti Bandar Penawar mempunyai tahap amalan kitar semula yang tinggi di kolej.

6.4 Kaedah Meningkatkan Tahap Kesedaran Responden Berhubung Kitar Semula.


Kaedah meningkatkan tahap kesedaran responden mengenai kitar semula merupakan maklumat penting yang menunjukkan keberkesanan terhadap program kitar semula. Dapatan menunjukkan bahawa 37 responden (74 peratus) bersetuju dengan kaedah-kaedah yang disarankan untuk peningkatan amalan kitar semula. Manakala 7 responden (14 peratus) tidak pasti berhubung persetujuan dengan kaedah-kaedah yang disarankan untuk peningkatan amalan kitar semula. Terdapat 3 responden (4 peratus) yang tidak bersetuju dengan kaedah-kaedah yang disarankan untuk peningkatan amalan kitar semula.

Jadual 4 di bawah menunjukkan jumlah jawapan responden berhubung dengan kaedah-kaedah yang dicadangkan berhubung amalan kitar semula. Rajah 3 menunjukkan peratus pembahagian kaedah-kaedah yang dicadangkan berhubung amalan kitar semula di kalangan pelajar KKBP.

Jadual 3: Jumlah Kaedah-kaedah Amalan Kitar Semula di kalangan Pelajar KKBP.

| HASIL KAJIAN | BILANGAN RESPONDEN | PERATUSAN |
|--------------|--------------------|-----------|
| YA | 37 | 74% |
| TIDAK PASTI | 7 | 14% |
| TIDAK | 6 | 12% |

Dapatan kajian di dalam Ujian Laverne iaitu 0.17 menunjukkan bahawa data yang diperolehi mempunyai varians yang sama manakala kepentingan T-Test iaitu 0.741, menunjukkan perbezaan yang nyata dalam min. Maka hipotesis menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara jantina berhubung kaedah meningkatkan amalan kitar semula.



Rajah 3: Peratus Pembahagian Kaedah-kaedah Amalan Kitar Semula di kalangan Pelajar KKBP.

Hasil kajian menunjukkan statistik peratusan sebanyak 86 peratus pelajar SMK Kolej Komuniti Bandar Penawar bersetuju dengan kaedah yang dijalankan bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan warga Kolej Komuniti Bandar Penawar.

7. KESIMPULAN

Objektif pertama kitar semula adalah untuk memelihara keindahan alam semulajadi kita yang semakin mengecil ruangnya kerana kerakusan pembangunan negara yang tidak sistematik. Objektif kedua ialah untuk mengekalkan persekitaran yang lebih sihat dan lebih bersih untuk dinikmati oleh generasi akan datang. Seterusnya, untuk meminimumkan pencemaran sedia ada kerana persekitaran yang tercemar akan menjejaskan kesihatan rakyat, sekaligus menjejaskan ekonomi negara. Selain itu, kitar semula juga dapat menjimatkan kos dengan cara pengurangan kos penyelenggaraan dan pengurusan bahan-bahan terbuang. Akhir sekali, kitar semula juga dapat menjimatkan sumber semulajadi yang semakin terhad seperti kayu untuk membuat kertas.

Kajian mendapati, pelajar KKBP mempunyai pengetahuan asas terhadap bahan yang boleh dikitar semula dan diguna semula. Namun begitu, para pelajar kurang mengamalkan kitar semula ini. Pihak Kolej Komuniti Bandar Penawar juga kurang mengambil berat terhadap amalan kitar semula ini yang mana boleh dilakukan dengan cara penyediaan tong-tong sampah kitar semula yang berwarna ataupun mengadakan minggu kitar semula.

Isu yang harus difikirkan bersama ialah adakah amalan kitar semula yang dijalankan selama ini telah berjaya? Sejauh manakah peranan individu dalam amalan kitar semula ini di kawasan KKBP kita? Justeru, pihak bertanggungjawab perlu memikirkan satu pendekatan holistik dan bersepadu agar amalan kitar semula ini dapat disesuaikan dengan keadaan setempat dan mampu mengubah mentaliti pelajar kita. Apa yang pasti perubahan mentaliti ke arah merealisasikan amalan kitar semula ini seharusnya bermula di peringkat mikro dengan komitmen awal oleh individu dan seterusnya komuniti.

Responden turut menyatakan pandangan bahawa mempraktikkan kitar semula merupakan satu amalan yang baik, mulia dan terpuji. Mencintai alam sekitar dapat menjadikan para responden lebih bertanggungjawab serta sebagai contoh kepada orang lain. Kesedaran ke atas kepentingan kitar semula adalah agak tinggi di kalangan pelajar KKBP, namun untuk mempraktikkan amalan ini pada peringkat institusi adalah agak sukar.

Di samping itu, Islam juga menitikberatkan kemaslahatan manusia sejagat dan menghalang kemudatan dengan cara menjaga alam sekitar (Sulaiman, 2008). Salah satu cara untuk menjaga alam sekitar agar sentiasa berada dalam keadaan bersih ialah dengan mengitar semula sampah. Jika semua pihak mengembeling tenaga dan usaha, maka ia mampu untuk mengelakkan kemudatan serta membawa kemaslahatan kepada seluruh umat manusia kelak.

Kesinambungan daripada itu, kitar semula amat penting bagi menyelamatkan persekitaran yang kita peroleh pada hari ini. Justeru, kitar semula ini hendaklah-difahami dengan betul oleh semua pihak dan langkah radikal perlu diambil bagi mempraktikkannya untuk terus menyelamatkan bumi.

RUJUKAN

- Abdul Yazid Alias (2010) "Amal Kitar Semula" dlm. Utusan Malaysia, 27 Jan.
- Afroz, R., Hanaki, K., Tuddin, R. & Ayup, K. 2010. *A survey of recycling behaviour in households in Dhaka, Bangladesh*. Waste Management & Research, 28 (6), 552-560.
- Burca, D.D., Dodd, V.A. Dennison, G.J., Cullinan, N., & Madden, N. (1994) *Assessing the Role of Kerbside Recycling in Municipal Waste Management in the Dublin Region*. Proceeding of the 10 th International Conference on Solid Waste Management, Philadelphia: USA.
- Fazida Binti Haji Othman (2008). *Konsep Tong Kitar Semula Dalam Kalangan Pelajar KPLI Di IPG Kampus Pendidikan Islam* : Kertas Kajian
- Gruder-Adams, S. (1990) *Recycling in Multifamily Units*. BioCycle. April. pp. 36-37.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Abbas bin Abdul Latiff dan Farihatun Nadia binti Yaacob, (2010) *Persepsi pelajar terhadap program membudayakan Al-Quran dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan Al-Quran mengikut hukum tajwid (Satu kajian di SMK Dato 'Bentara Luar)*. Fakulti Pendidikan UTM.
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Timlett, R. & Williams, I. D. (2011). *The ISB model (infrastructure, service, behaviour): A tool for waste practitioners*. Waste Management, 31 (6), 1381-1392.
- Seow Ta Wee (2004) *Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia*. Jurnal Sains Sosial. Penerbit KUiTTHO: Parit Raja. Jilid 2.Bil 1. pp 9 – 25.
- Shahrom Md Zain, Noor Ezlin Ahmad Basri , Hassan Basri, Norhidayu Zakaria, Rahmah Elfithri, Maisarah Ahmad, Tiew Kian Ghee, Sarifah Yaakub & Ismi Azura Istear Khan, (2011). *Keprihatinan Amalan Kitar Semula Membentuk Sikap Dan Tingkah Laku Lestari*. Seminar Pendidikan Kejuruteraan & Alam Bina (PeKA'11) Kongres Pengajaran dan Pembelajaran.
- Sulaiman Bin Kadikon & Abidah Raudzah Binti Othman. (2008). *Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Program Kitar Semula Menurut Perspektif Islam* Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Wang, F. S., Richardson A.J. & Roddick F.A.. (1997) *Relationships Between Set-out Rate, Rarticipation Rate and Setout Quantity in Recycling Program*. Journal of Resources, Conservation and Recycling. No 20. pp: 1 – 7.